

29 SEP 2002

Hamid-India

MALAYSIA TIDAK AKAN CAMPURTANGAN KONFLIK INDIA-PAKISTAN

TAIPING, 29 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak akan campurtangan dalam konflik antara India dan Pakistan mengenai isu Kashmir dan tidak berhasrat untuk menjadi orang tengah dalam konflik itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara itu tidak pernah timbul langsung memandangkan ia merupakan masalah dalaman kedua-dua negara itu dan Malaysia tidak perlu mencampuri urusan mereka.

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India pada 16 dan 17 Okt ini tidak akan membincangkan tentang perkara itu tetapi sebaliknya akan bertumpu pada perkara-perkara yang menjadi kepentingan kedua-dua negara.

"Lawatan Perdana Menteri ke India bertujuan melihat perkembangan industri Teknologi Maklumat (IT) di Hyderabad dan Bangalore dan memberikan ucapnama di sidang Kemuncak Asean-India," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pelancaran Jentera Pilihanraya Barisan Nasional (BN) Parlimen Bukit Gantang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Menteri, Changkat Jering dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri atau kerajaan Malaysia tidak pernah terlintas untuk menjadi orang tengah dalam konflik itu memandangkan India dan Pakistan merupakan dua negara besar.

"Mereka mampu menyelesaikan konflik dalaman mereka sendiri dan Malaysia tidak pernah menawarkan diri untuk menjadi orang perantaraan dalam perkara itu," katanya

Selain itu, beliau berkata lawatan Perdana Menteri ke sana juga merupakan lawatan kerja sebagai Ketua Negara dan akan bertemu dengan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee.

-- BERNAMA

KAY PR